Pemahaman Tentang Keadaan Kredit Menerusi Kaji Selidik


Rencana maklumat ini meninjau keadaan kredit perniagaan pada tahun 2020 dan prospek bagi tahun 2021 berikutan peningkatan risiko kredit dan kerugian pinjaman lebih tinggi yang dialami oleh institusi perbankan. Rencana ini meneliti pemahaman yang mendalam daripada kaji selidik dari sudut penawaran[12] dan permintaan[13] yang dijalankan oleh Bank pada suku keempat tahun 2020.

Keupayaan institusi perbankan untuk memberikan pinjaman kekal kukuh, namun kesanggupan mengambil risiko menjadi lebih berhati-hati

Secara agregat, sasaran awalan pemberian pinjaman bagi tahun 2021 merentas bank menunjukkan bahawa sistem perbankan lebih daripada berupaya untuk menyokong permintaan kredit selaras dengan unjuran pertumbuhan KDNK. Keadaan ini disokong oleh keupayaan bank untuk memberikan pinjaman berdasarkan penampan modal, pendanaan dan mudah tunai yang kukuh. Walau bagaimanapun, risiko kredit yang lebih ketara dan pinjaman terjejas serta kos-kos lain yang berkaitan yang semakin meningkat telah menyebabkan lebih banyak aktiviti penghindaran risiko dan hal ini boleh mempengaruhi keputusan bank dalam pemberian pinjaman tertentu. Berdasarkan prospek ekonomi yang sangat tidak menentu dan kebergantungannya terhadap kemajuan pemvaksinan dan evolusi virus, bank mengambil pendekatan lebih berhati-hati dalam memenuhi permintaan kredit baharu. Risiko pembayaran balik pinjaman yang meningkat dengan ketara dan prospek makroekonomi yang masih tidak menentu kekal menjadi faktor utama yang boleh menjejaskan keadaan kredit pada tahun 2021.

Kaji selidik terhadap bank-bank menunjukkan bahawa keadaan kredit mungkin menjadi sedikit lebih ketat bagi peminjam korporat, manakala keadaan bagi PKS dijangka lebih mudah pada separuh pertama tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 (Rajah 1.9). Hal ini mencerminkan terutamanya saiz pinjaman syarikat korporat yang lebih besar dan lazimnya tidak bercagar. Sebaliknya, saiz pinjaman PKS pada amnya lebih kecil dan mempunyai cagaran, dan mereka terus menerima bantuan utama daripada pelbagai langkah kerajaan.

Rajah 1.9: Jangkaan Bank-bank bagi Perubahan dalam Keadaan Pembekalan Kredit Mengikut Saiz Perniagaan




Nota: Respons berwajaran bank-bank yang dikaji. Skor diperoleh mengikut mata asas bersih, iaitu dua bank dengan tahap pelonggaran dan pengetatan yang sama akan saling mengimbangi antara satu sama lain berdasarkan bahagian pinjaman masing-masing. Skala: Longgar dengan ketara (-2); Longgar sedikit (-1); Neutral (0); Ketat sedikit (+1); Ketat dengan ketara (+2)

Sumber: Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020)

[12] Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020) mengkaji 17 buah bank, terdiri daripada kumpulan perbankan domestik, bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan institusi kewangan pembangunan.
[13] Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020 mengkaji kira-kira 2,000 entiti perniagaan yang terdiri daripada perusahaan mikro, kecil, sederhana dan besar.

Kesanggupan bank mengambil risiko dengan lebih berhati-hati adalah selaras dengan persepsi perniagaan berhubung dengan keadaan pembiayaan. Berikutan penyambungan semula sebahagian daripada kegiatan ekonomi pada bulan Mei 2020 selepas sekatan pergerakan dilonggarkan, sektor perniagaan menunjukkan permintaan terhadap pembiayaan bank bertambah baik namun tanggapan terhadap ketersediaan bank memberikan pembiayaan dianggap lebih rendah. Hal ini menghasilkan jurang pembiayaan[14] yang lebih besar sepanjang enam bulan lalu. Perniagaan kecil merupakan kumpulan yang paling terjejas akibat jurang pembiayaan ini. Sekitar 32% daripada PKS menunjukkan jurang pembiayaan yang lebih besar. Sebaliknya, kedudukan perniagaan besar pula adalah lebih baik, dengan 82% daripadanya melaporkan jurang pembiayaan sama ada tidak berubah atau semakin kecil (Rajah 1.10). Meskipun bank melaporkan keadaan kredit yang lebih ketat dialami oleh syarikat bukan PKS, tanggapan syarikat bukan PKS bahawa keadaan kredit lebih menggalakkan mungkin disebabkan oleh hubungan mereka yang lebih kukuh dengan bank. Hubungan ini seterusnya membolehkan rundingan yang lebih khusus bagi permohonan pinjaman. Perniagaan yang lebih besar juga boleh bergantung pada pelbagai sumber pembiayaan seperti pasaran modal dan dana dalaman. Setelah mengambil kira semua faktor ini, syarikat bukan PKS mungkin menganggap bahawa kekangan bagi ketersediaan pembiayaan adalah lebih rendah.

Rajah 1.10: Permintaan Syarikat/Firma untuk Pembiayaan Bank berbanding dengan Tanggapan Mengenai Ketersediaan untuk Pembiayaan Bank, ST2 2020



Nota: Rajah menunjukkan perbezaan antara jawapan individu terhadap permintaan untuk pembiayaan bank dengan tanggapan mengenai ketersediaan pembiayaan bank bagi 6 bulan terakhir tahun 2020, mengikut skala 'Berkurang', 'Tidak berubah' dan 'Meningkat'. Peningkatan jurang pembiayaan diwakili oleh peningkatan permintaan untuk pembiayaan bank dan/atau pengurangan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank

Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020


Selaras dengan kebimbangan yang lebih besar mengenai risiko pembayaran balik pinjaman, penawaran kredit mungkin lebih diutamakan bagi pembiayaan modal kerja yang tempohnya lebih pendek berbanding dengan pembiayaan untuk pelaburan dan perbelanjaan modal (Rajah 1.11). Keadaan ini secara amnya sejajar dengan keperluan pembiayaan perniagaan berdasarkan perniagaan yang ditinjau dalam kaji selidik, yang turut melaporkan permintaan lebih tinggi untuk modal kerja berbanding dengan pembiayaan bagi perbelanjaan modal untuk enam bulan pertama tahun 2021 (Rajah 1.12). Bagi jangka lebih panjang, permintaan terhadap pembiayaan pelaburan dijangka meningkat. Bank-bank mempunyai keupayaan untuk memenuhi peningkatan dalam permintaan ini, dengan sokongan padu daripada kekukuhan dan kadar pemulihan ekonomi yang bertambah baik.

Pengurangan OPR sebanyak 125 mata asas secara kumulatif pada tahun 2020 juga telah mengurangkan kadar rintangan[15] (*hurdle rates*) dalaman bank dan membantu menstabilkan kadar faedah pembiayaan.

[14] Perubahan dalam jurang pembiayaan ditakrifkan sebagai perbezaan antara perubahan dalam permintaan syarikat untuk pembiayaan bank dengan perubahan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank. Peningkatan jurang pembiayaan akan digambarkan oleh peningkatan permintaan untuk pembiayaan bank dan/atau pengurangan dalam tanggapan ketersediaan pembiayaan bank.

[15] Kadar rintangan merujuk tahap pulangan modal terlaras risiko dalam penentuan harga apabila pendapatan bank daripada pemberian pinjaman adalah mencukupi untuk menampung kerugian kredit yang dijangka, kos pendanaan berkaitan dan overhed.


Rajah 1.11: Jangkaan Bank-bank terhadap Perubahan Keadaan Pembekalan Kredit Mengikut Tujuan Pembiayaan



Nota: Respons berwajaran bank-bank yang dikaji. Skor diperoleh mengikut mata asas bersih, iaitu dua bank dengan tahap pelonggaran dan pengetatan yang sama akan saling mengimbangi antara satu sama lain berdasarkan bahagian pinjaman masing-masing. Skala: Longgar dengan ketara (-2); Longgar sedikit (-1); Neutral (0); Ketat sedikit (+1); Ketat dengan ketara (+2)

Sumber: Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020)

Rajah 1.12: Jangkaan Syarikat/Firma terhadap Perubahan Permintaan untuk Pembiayaan Mengikut Tujuan Pembiayaan



* Responden diminta memberikan jangkaan permintaan mereka terhadap modal kerja dan perbelanjaan modal pada 6-12 bulan akan datang, mengikut skala daripada 'Menurun', 'Tidak berubah' dan 'Meningkat'. Responden yang menjawab 'Tidak berubah' atau 'Tidak berkaitan' tidak termasuk dalam rajah ini. Data bersih (ditunjukkan sebagai tandak titik) ialah perbezaan antara peratusan responden yang menjawab 'Meningkat' dan 'Menurun' bagi setiap kategori peruntukan pembiayaan


Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020

Walau bagaimanapun, persaingan sengit untuk mendapatkan pelanggan sejak beberapa tahun lalu telah membawa kepada penentuan harga secara agresif dan penurunan dalam keuntungan. Meskipun bank secara umumnya mengekalkan kadar pinjaman efektif yang melebihi kadar rintangan, kerugian pinjaman yang lebih besar boleh menghakis penampan keuntungan serta menjejaskan penentuan harga dan penawaran kredit, terutamanya bagi segmen yang lebih berisiko tinggi.

Dalam tempoh terdekat, langkah pengetatan bukan berkaitan harga adalah dijangka lebih meluas dalam kalangan bank yang dikaji. Hal ini termasuk kriteria penskoran kredit dan keperluan cagaran yang lebih ketat, keperluan membuat perjanjian pinjaman (*loan covenants)* dan penetapan had saiz pinjaman maksimum. Semakan latar belakang yang lebih mendalam dan tindakan yang lebih proaktif, seperti penggunaan sumber maklumat alternatif, serta perbincangan dan interaksi yang lebih kerap dengan peminjam perniagaan turut dijalankan bagi menilai keadaan kewangan dan operasi mereka dengan lebih teliti. Langkah-langkah ini didapati tidak menimbulkan masalah yang besar kepada peminjam, dengan 88% entiti perniagaan memberikan maklum balas positif atau neutral mengenai proses bank (Rajah 1.13). Secara amnya, pengalaman positif dikaitkan dengan proses penambahbaikan yang mengurangkan masalah dan memudahkan kekangan yang dihadapi oleh peminjam semasa PKP.[16] Hal ini seterusnya membantu mempercepat proses kelulusan dan pengeluaran kredit meskipun keadaan operasi yang mencabar. Penambahbaikan proses ini termasuklah penggunaan proses dalam talian dan templat pembiayaan yang semakin meningkat bagi memudahkan kelulusan penjamin, lawatan ke tapak secara maya dan fleksibiliti terhadap beberapa syarat terdahulu yang khusus bagi pengeluaran pinjaman.

[16] Disokong oleh Kaji Selidik Keadaan Kredit kepada Institusi Perbankan (S4 2020).

Rajah 1.13: Pendapat Syarikat/Firma terhadap Proses-proses Perbankan



Sumber: Kaji Selidik BNM terhadap Akses kepada Pembiayaan untuk Perniagaan 2020

Langkah-langkah diperkenalkan bagi menangani risiko terhadap kestabilan kewangan

Berdasarkan persekitaran semasa, penyelarasan dalam kesanggupan bank mengambil risiko adalah dijangka dan merupakan langkah yang berhemat. Walau bagaimanapun, penghindaran risiko yang berlebihan oleh bank juga boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan. Oleh itu, tindak balas dasar semasa krisis ini bertujuan menyokong aliran kredit kepada ekonomi, khususnya kepada peminjam dan sektor berdaya maju yang mungkin terjejas secara tidak setara ekoran tindakan bank yang lebih berhati-hati dalam pemberian pinjaman. Langkah-langkah dasar yang diperkenalkan telah dan akan terus menyokong aktiviti pengantaraan dalam persekitaran semasa yang bercirikan risiko kredit yang lebih ketara. Pertama, keadaan pembiayaan kekal kondusif berikutan dasar monetari yang terus akomodatif. Kedua, program Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar yang memberikan pilihan pembayaran balik secara fleksibel terus disediakan kepada peminjam yang memerlukannya. Ketiga, pelanjutan fleksibiliti pengawalseliaan telah meningkatkan keupayaan kewangan dan operasi bank untuk membantu peminjam sedia ada dan baharu. Keempat, pelbagai kemudahan pembiayaan disediakan di bawah Tabung BNM untuk PKS, dan skim jaminan kredit bagi PKS dan syarikat korporat telah menyokong aliran kredit yang berterusan kepada perniagaan berdaya maju dalam keadaan penghindaran risiko kredit yang lebih ketara.

Setelah memasuki krisis ini dengan kedudukan modal dan mudah tunai yang teguh, industri perbankan terus berada pada kedudukan yang baik untuk memudahkan aliran kredit kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, keputusan-keputusan mikro dalam pemberian pinjaman oleh bank boleh menghasilkan kesan tidak seimbang kepada perniagaan yang terjejas akibat pandemik ini. Apabila pemulihan ekonomi menjadi lebih teguh, kesan pandemik ini dijangka luput dan pelonggaran keadaan kredit akan menjadi lebih menyeluruh.